

## Pengkategorian Haiwan dalam Kitab *Sabil Al-Muhtadin* dari Perspektif Halal dan Zoologi

### Animal Categorization in The Book *Sabil al-Muhtadin* from the Perspectives of Halal and Zoology

MOHD MAHYEDDIN MOHD SALLEH\*

Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0001-5254-282X>

NURDALILA AWANI ABDUL AZIZ

Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
ORCID iD : <https://orcid.org/0000-0003-2752-8369>

CHAIRILL ANUAR BIN ABDUL GHANI

Sanda Shokuniku Kosha Co., Ltd, No.11, Eibara, Nagao-Co, Kobe Kita, Hyogo (651-1511), Japan

\*Corresponding Author; email: [mahyeddin@usim.edu.my](mailto:mahyeddin@usim.edu.my)

Received: 24 December 2025/ Received in revised form: 9 April 2026 / Accepted: 10 April 2026/

Published: 2 June 2026

#### ABSTRAK

*Kitab Sabil al-Muhtadin Li Al-Tafaqquh Fi Amr Al-Din karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1122-1227H/1710-1812 M) merupakan antara karya fiqh Melayu klasik yang penting dalam membincangkan hukum-hakam haiwan. Kitab ini mengandungi pelbagai pengkategorian haiwan berdasarkan istilah yang lazim digunakan di Alam Melayu dan dunia Arab. Namun demikian, sebahagian istilah haiwan yang digunakan didapati kurang jelas dari segi rujukan spesies. Kajian ini bertujuan memperincikan spesies haiwan yang dibincangkan dalam Kitab Sabil al-Muhtadin, mengklasifikasikannya mengikut kategori halal dan haram, serta menganalisis istilah haiwan tersebut melalui pendekatan interdisiplin yang mengintegrasikan perspektif fiqh halal dan zoologi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah dokumentasi dan analisis tekstual terhadap kandungan kitab berkenaan, serta teknik temubual secara berstruktur. Hasil kajian mendapati terdapat tiga jenis pengkategorian haiwan di dalam kitab Sabil al-Muhtadin iaitu; haiwan air, haiwan darat dan haiwan kacukan antara haiwan yang halal dan haram. Jumlah keseluruhan istilah haiwan adalah sebanyak 123 spesies. Analisis turut menunjukkan tiga bentuk penggunaan istilah haiwan, iaitu 1) istilah yang jelas maksudnya dalam bahasa Melayu, 2) istilah Arab yang disertai terjemahan atau penjelasan, serta 3) istilah yang menggunakan bahasa tempatan seperti bahasa Indonesia (Banjar) tanpa penjelasan lanjut. Kajian ini menyumbang kepada pemetaan sistematik istilah haiwan dalam fiqh Melayu klasik serta memperlihatkan kepentingan integrasi antara disiplin.*

*Kata kunci: Haiwan; halal haram; Sabil al-Muhtadin; Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari; zoologi*

#### ABSTRACT

*Sabil al-Muhtadin Li al-Tafaqquh fi Amr al-Din by Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1122–1227H / 1710–1812 CE) is one of the important classical Malay fiqh works that discusses legal rulings related to animals. The book contains various classifications of animals based on terms commonly used in the Malay world and the Arab world. However, some of the animal terms used are found to be unclear in terms of their specific species references. This study aims to detail the animal species discussed in Sabil al-Muhtadin, classify them according to halal and haram categories, and analyse these animal terms through an interdisciplinary approach that integrates the perspectives of halal jurisprudence and zoology. This study employs a qualitative approach through documentation and textual analysis of the content of the book, as well as structured interview techniques. The findings reveal that there are three types of animal classifications in Sabil al-Muhtadin, namely aquatic animals, terrestrial animals, and hybrid animals resulting from the crossbreeding of halal and haram species. The total number of animal terms identified amounts to 123 species. The analysis also shows three forms of animal terminology usage: (1) terms whose meanings are clearly understood in the Malay language; (2) Arabic terms accompanied by translation or explanation; and (3) terms that*

use local languages such as Indonesian (Banjar) without further clarification. This study contributes to the systematic mapping of animal terminology in classical Malay fiqh and highlights the importance of interdisciplinary integration.

*Keywords:* Animals; halal haram; Sabil al-Muhtadin; Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari; zoology

## PENDAHULUAN

Antara faktor penyumbang utama kegiatan penulisan buku dan karya adalah disebabkan oleh kedatangan Islam ke Alam Melayu (Nasir 2015). Menurut catatan sejarah, perkembangan ilmu Islam dan penulisan karya fiqh Jawi Melayu di Alam Melayu telah berlaku sebelum atau pada abad ke-16 (Malik & Abd Rahim<sup>2020</sup>). Menyoroti aspek penulisan fiqh, terdapat pelbagai karya sama ada dalam bahasa Melayu atau Arab yang meliputi pelbagai metod penulisan sama ada penulisan hukum, terjemahan kitab bahasa Arab, soal jawab agama, ringkasan atau ulasan kepada sesuatu karya lain (Malik & Rahim 2022). Kitab *Sabil al-Muhtadin Li Al-Tafaqqah Fi Amr Al-Din* karangan Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari merupakan antara kitab yang banyak menyumbang dalam ilmu berkaitan tauhid, akhlak dan fiqh (Rahayu 2022).

Bahkan, Al-Banjari juga dianggap sebagai seorang intelektual terkemuka dari Banjarmasin, Indonesia yang banyak menyumbang kepada pembangunan undang-undang Islam di luar wilayah perbandaran dan negara. Kitab karangan beliau, *Sabil al-Muhtadin*, juga banyak digunakan sebagai silibus pengajian di Kepulauan Nusantara sehingga ke hari ini, khususnya di daerah Kalimantan dan Sumatera (Pancasilwati 2015). Malahan kitab ini turut tersebar di Brunei Darussalam, Kemboja, Thailand dan Malaysia, selain kitab ini banyak tersimpan di perpustakaan besar di dunia Islam, seperti di Makkah, Mesir, Turki dan Beirut (Mohd Azhan Zakaria 2015).

Kitab *Sabil al-Muhtadin* turut membincangkan tentang makanan yang halal dan haram dimakan, termasuk kategori dan spesis haiwan yang kebanyakannya ditulis dengan istilah Melayu klasik atau jawi, Bahasa Arab dan Bahasa Indonesia (Banjar). Meskipun demikian, kajian mengenai permasalahan haiwan dalam aspek halal dan haram boleh dikatakan masih kurang berkembang, walaupun terdapat keperluan mengenainya (Salleh et al. 2025). Dalam konteks Malaysia, kebanyakan pegawai berautoriti agama mahupun para penyelidik halal cenderung untuk merujuk karya-karya ulama alam Melayu bagi mendapatkan perinciannya. Salah satu kitab yang dirujuk oleh mereka adalah kitab *Sabil al-Muhtadin* yang dianggap sebagai sebuah kitab yang berautoriti di dunia Melayu (Salleh et al. 2024).

Meskipun telah terdapat sejumlah penulisan dan kajian mengenai kitab *Sabil al-Muhtadin*, namun analisis dalam aspek pengkategorian haiwan halal dan haram masih lagi kurang (Salleh et al. 2024). Hal ini kerana penulisan oleh pengkaji terdahulu banyak tertumpu pada latar belakang Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, sumbangannya, sifat atau keperibadiannya (Zarkasyi 2012), pemikiran (Nopliardy & Jarkawi 2018), permasalahan fiqh wanita (Dina & Safitri 2025), pemakanan (Ramli & Jamaludin 2012) dan isu-isu fiqh (Ruslan et al. 2023). Oleh itu, jurang ini antara yang akan ditambah baik oleh pengkaji dalam kajian ini dengan difokuskan kepada penyenaian semula istilah-istilah haiwan yang terdapat dalam kitab tersebut sebagai panduan kepada masyarakat masakini.

Dalam memahami teks asal Kitab *Sabil al-Muhtadin*, kesukaran timbul apabila sesetengah istilah yang digunakan adalah istilah klasik yang samar atau hampir tidak diketahui maksudnya oleh masyarakat moden. Selain itu, terdapat juga beberapa istilah bahasa Arab yang dinyatakan oleh penulis karya berkenaan tanpa terjemahan yang sesuai kerana tidak menemui perkataan yang tepat atau sepadan maknanya dalam bahasa itu. Memandangkan Syekh Al-Banjari berasal dari keturunan Banjar, maka beliau banyak menggunakan istilah haiwan dalam Bahasa Indonesia (Banjar) yang kurang difahami maksudnya oleh masyarakat Melayu Nusantara yang lain.

Justeru, kajian ini akan memperincikan spesies haiwan yang dibincangkan dalam Kitab *Sabil al-Muhtadin*, mengklasifikasikannya mengikut kategori halal dan haram, serta menganalisis istilah haiwan tersebut melalui pendekatan yang mengintegrasikan perspektif fiqh halal dan zoologi. Kajian ini dijangka dapat membantu menyumbang kepada sektor halal negara menerusi pemeraksanaan penyelidikan, intelektual dan modal insan halal seperti dinyatakan dalam *Halal Industry Master Plan 2030*.

## SOROTAN LITERATUR

### BIODATA SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD AL-BANJARI

Muhammad Arsyad al-Banjari dengan gelaran al-Banjari adalah seorang ulama kerajaan Banjar di

Kalimantan Selatan yang hidup sekitar tahun 1710-1812M. Beliau terkenal sebagai tokoh ulama fiqh mazhab Shafie di wilayah Asia dengan kepakaran dalam bidang tauhid dan tasawuf (Rahayu 2022). Beliau juga merupakan tokoh yang sangat berjasa, serta namanya direkodkan dalam jaringan ulama dari Timur Tengah dan Asia, khususnya dalam proses Islamisasi di Pulau Kalimantan Selatan (Zarkasyi 2012). Syeikh Al-Banjari hidup dalam persekitaran masyarakat suku Banjar di Kalimantan Selatan yang merupakan penduduk asal suku Dayak Kaharingan seterusnya bercampur dengan masyarakat Melayu (Zein Mufrida 2019).

Dalam aspek pendidikan, Al-Banjari telah memperoleh pendidikan asas daripada ayahnya dan beberapa orang guru tempatan. Pada usia tujuh tahun, beliau sudah fasih membaca Al-Quran dan pandai melukis. Melihat keistimewaannya itu, Sultan Tahmidullah, Raja Banjar ke XV (1700-1745 M) mengambil beliau sebagai anak angkat dan duduk menetap di istana diasuh oleh keluarga Sultan, mempelajari agama serta pelbagai ilmu pengetahuan yang lain. Oleh kerana kecerdasannya yang luar biasa, beliau telah berjaya menguasai ilmu agama seperti Tauhid dalam masa yang singkat (Zaini 2025). Menginjak dewasa beliau telah dihantar oleh sultan ke *Haramayn* untuk melanjutkan pelajaran selepas beliau berkahwin. Selama tiga puluh tahun di *Haramayn*, beliau belajar pelbagai ilmu pengetahuan yang tidak terhad hanya kepada ilmu-ilmu syariah seperti ilmu fiqh khususnya Fiqh Syafie. Beliau bahkan belajar ilmu tauhid, tasawuf, hadith, tafsir dan ilmu pendidikan, Bahasa Arab serta ilmu falak (Zarkasyi 2012). Beliau dibimbing oleh guru-guru yang masyhur di *Haramayn* seperti Syeikh Ibn Athaillah al-Misri, Sulayman al-Kurdi al-Syafi'i, Syeikh Ibrahim al-Ra'is al-Zam-zam, Syeikh Muhammad Murtada ibn Mu'ammad al-Zubaidi dan Syeikh 'Abd al-Karim al-Sammin al-Madani (Abdullah 1990).

Syeikh Al-Banjari telah diangkat sebagai 'Syeikh al-Islam' di Masjidil Haram dalam bidang fiqh Shafi'iyah dan mendapat ijazah serta bergelar 'Khalifah' di Madinah. Perkara ini membolehkan beliau mengajar ilmu agama terutama dalam bidang fiqh Shafi'iyah, ilmu tarikat dan ilmu tasawuf. Ulama yang menguasai pelbagai ilmu ini telah mencurahkan berbagai sumbangan kepada masyarakat (Rahayu 2022). Bermula tahun 1722M, selepas balik dari *Haramayn* beliau telah berdakwah dengan menubuhkan institusi pendidikan bagi melahirkan pelapis ulama. Kemudian beliau menjadi penasihat Kerajaan Banjar dalam bidang

keagamaan, sehingga berjaya menubuhkan Mahkamah Syar'iyah, jabatan keagamaan yang pertama dalam Kerajaan Banjar (Abu Daudi 2003). Beliau juga berjaya menyelamatkan akidah masyarakat Islam daripada kepercayaan dan aliran yang menyimpang, seperti pengaruh ajaran tasawuf berfahaman Wahdah al-Wujud yang menyeleweng. Beliau juga menyumbang dakwah dalam penulisan dengan menghasilkan karya-karya (Zarkasyi 2012).

Para pengkaji berbeza pendapat mengenai bilangan sebenar karya al-Banjari. Terdapat yang menyebutkan bahawa al-Banjari menghasilkan sepuluh karya (Abdullah 1990), manakala ada juga menyatakan tujuh belas karya dalam pelbagai bidang keilmuan. Antaranya seperti *Sabil al-Muhtadin Li Al-Tafaqquh Fi Amr Al-Din*, *Risalah Fath al-Rahman*, *Kanz al-Ma'rifah*, *Tuhfah al-Raghibin* dan lain-lain (Zarkasyi 2012). Pengkaji lain pula menyenaraikan beberapa karya lainnya, seperti *Kitab al-Nikah* dan *Risalah Qaul al-Mukhtasar fi 'Alamat al-Qiyamah al-Kubra* (Zaini 2025). Selain itu, beliau juga berperanan penting mengembangkan pendidikan Islam di Kalimantan dengan mendirikan pesantren di Martapura yang menjadi pusat penyebaran ilmu agama.

Perjuangan al-Banjari telah diteruskan oleh pewaris keturunannya yang tersebar di negara Melayu dan Asia Tenggara. Ulama besar yang telah mencurahkan pelbagai sumbangan kepada masyarakat ini telah mendapat penghargaan daripada para tokoh ulama dan ilmuwan.

#### SINOPSIS DAN KAEDAH PENYUSUNAN KITAB *SABIL AL-MUHTADIN*

Kitab *Sabil Al-Muhtadin Li Al-Tafaqqah Fi Amr Al-Din* merupakan kitab yang ditulis berdasarkan pendekatan mazhab Syafi'i yang mengandungi perbincangan fiqh ibadat. Kitab ini dikarang pada tahun 1193-1195 H /1779-1780M atas permintaan Sultan Tahmidullah (Fajrinnor et al. 2009). Kitab ini dicetak buat pertama kali di Mekah, Istanbul dan Kaherah pada tahun 1882M. Kitab *Sabil al-Muhtadin* ini pada mulanya hanya dikenali oleh masyarakat Banjar, kemudian dibawa oleh anak al-Banjari yang bernama Shihabuddin ke Mekah untuk ditashih dengan gurunya bernama Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang pernah bersahabat dengan al-Banjari sewaktu di Mekah (Zarkasyi 2012). Selepas kitab tersebut selesai ditashih oleh Syeikh Daud al-Fatani, beliau telah menjadikannya sebagai rujukan dalam tulisannya. Kemudian kitab tersebut dicetak di Mekah, dan mula dikenali ramai terutama

oleh kelompok Jawiyyin di *Haramayn* seterusnya tersebar ke alam Melayu sehingga kini (Abdullah 1990).

Dari segi kandungan kitab, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.th) telah menyusun perbahasannya bermula dengan bab *Taharah*. Seterusnya diikuti dengan bab Solat, Zakat, Puasa dan Haji serta tambahan persoalan *al-Dhaba'ih* (sembelihan) dan bab Makanan. Kitab *Sabil al-Muhtadin* ini disusun mengikut tututan kitab, bab dan fasal. Tajuk besar disebut sebagai kitab dan mengandungi bab, manakala di bawah bab pula mengandungi fasal. Secara keseluruhannya kitab ini mengandungi lapan kitab iaitu:

1. Kitab *al-Taharah* mengandungi 6 bab dan 32 fasal (Jilid 1, hal. 5-146)
2. Kitab *al-Salah* mengandungi 9 bab dan 34 fasal (jilid 1, hal. 147-250; jilid 2, hal. 2-88)
3. Kitab *al-Zakah* mengandungi 5 bab dan 13 fasal (jilid 2, hal. 88-128)
4. Kitab *al-Siyam* mengandungi 7 bab tanpa fasal (jilid 2, hal. 128-163)
5. Kitab *al-I'tikaf* mengandungi satu fasal tanpa bab (jilid 2, hal. 163-168)
6. Kitab *al-Hajj wa al-Umrah* mengandungi dua bab dan 15 fasal (jilid 2, hal. 168-237)
7. Kitab *al-Sayd wa al-Dhaba'ih* mengandungi satu fasal tanpa bab (jilid 2, hal. 237-256)
8. Kitab *al-Aṭ'imah* tidak mengandungi bab dan fasal (jilid 2, hal. 256-267).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menerusi kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen dan temubual. Teknik analisis dokumen dipilih kerana bersesuaian dengan sifat kajian ini yang perlu meneliti istilah-istilah spesis haiwan yang terdapat dalam teks asal kitab *Sabil al-Muhtadin*. Sebanyak 123 spesis haiwan telah dikenalpasti, dan disenaraikan mengikut kategori dan justifikasinya, beserta halaman. Seterusnya, istilah haiwan yang tidak difahami akan dicari maksudnya dengan

melakukan carian berdasarkan istilah teks asal di enjin carian *Google*, *Glosbe* (kamus Banjar-Melayu), *Borneo Dictionary* dan *Wikipedia*. Hasil dapatan carian selanjutnya disusun dalam bentuk jadual yang dibahagikan mengikut kolum istilah dan terjemahan asal kitab (Jawi/Arab), sebutan rumi, status, dan penamaan zoologi. Bagi istilah yang tidak dapat ditemui, dilabelkan sebagai 'Tidak Diketahui'.

Teknik temubual secara berstruktur juga dibuat bersama 4 infoman terdiri daripada tokoh ilmunan pondok (2-Kedah, 1-Terengganu dan 1-Banjarmasin, Indonesia). Kriteria pemilihan infoman adalah berlatarbelakang pengajian pondok, berkemahiran dan berpengalaman mengajar kitab *Sabil al-Muhtadin* tidak kurang daripada lima tahun. Tujuan temubual dibuat adalah untuk mengesahkan maksud dan cara sebutan istilah, supaya bertepatan dengan maksudnya yang asal. Penamaan zoologi telah disahkan oleh ahli akademik yang berkepakaran dalam bidang sains haiwan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### PENYENARAIAN UMUM HAIWAN HALAL HARAM DALAM KITAB *SABIL AL-MUHTADIN*

Hasil analisis terhadap kitab *Sabil al-Muhtadin*, didapati terdapat sejumlah 123 spesis haiwan dengan 3 kategori utama berserta beberapa justifikasi pengharaman dan penghalalan haiwan tersebut. Kategori-kategori haiwan tersebut adalah 1) haiwan air, 2) haiwan yang hidup di dalam air dan darat, dan 3) haiwan darat, seperti yang telah diklasifikasikan di dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 di bawah. Status haiwan tersebut telah dibezakan dengan nota (halal) dan (haram). Namun, terdapat juga haiwan yang tidak dapat dikenal pasti sebutannya apabila diterjemahkan kepada istilah moden (rumi). Sebab pengharaman dan penghalalan haiwan tersebut juga turut dinyatakan berdasarkan penerangan yang diberikan oleh pengarang kitab mengikut jenis haiwan-haiwan tertentu.

JADUAL 1. Penyenaraian Haiwan Air Menurut Kitab *Sabil al-Muhtadin*

Bil	Istilah Asal Kitab	Sebutan Istilah	Status	Justifikasi	Halaman
1.	بونتل	Buntal	Haram	i. Iaitu haiwan yang tidak hidup melainkan di dalam air laut atau lainnya;	257
2.	ايسى تيرم	Isi Tiram	Halal	ii. Hidup di darat tetapi tiada kekal hidupnya sama ada daripada jenis ikan yang masyhur atau lain daripadanya atau sama ada dagingnya timbul/ tenggelam dan jika sama dia dengan rupa haiwan darat yang haram sekalipun seperti anjing dan babi dan barang sebagainya;	
3.	كارغ	Karang	Halal	iii. Tidak berbisa/ beracun/mudarat	
4.	اندوغ متيارا	Indung Mutiara	Halal	Hanya hidup di air dan tidak mempunyai berbisa	
5.	بالوت	Balut	Halal	Mempunyai bisa	
6.	رخوغن	Racungan	Halal	Lama hidupnya didarat dengan mushahadah	
7.	اولر	Ular	Haram	Jika tidak kekal hidupnya di darat maka dia halal, jika kekal hidupnya di darat maka haram	
8.	كلمبوى	Kalambuai	Haram		
9.	كنداغ	Gondang	Haram		
10.	ليلغ	Liling	Halal		
11.	سبهي		Halal		
12.	دنيلىس (داحتمالكن بهوا اي اداله كيما، اندوغ متيارا، تيرم، كارغ، سومفماث)	Danilas- haiwan terdapat di negeri Mesir	Halal	Khilaf ulama padanya: 1. Tidak hidup melainkan dalam air jua (Halal) 2. Asal daripada kejadian سرطان (Haram)	

JADUAL 2. Penyenaraian Haiwan Air dan Darat Menurut Kitab *Sabil al-Muhtadin*

Bil	Istilah Asal Kitab	Sebutan Istilah	Status	Justifikasi	Halaman
13.	فيو	Penyu	Haram		257
14.	بداوغ	Bidawang	Haram		
15.	بيوكو	Biuku	Haram		
16.	كورا ٢	Kura-kura	Haram		
17.	بيلغكس	Belangkas	Haram		
18.	ضفدع (كاتق)	Katak	Haram		
19.	تمساح (بواى)	Buaya	Haram		
		Haiwan seperti rupa manusia, tetapi melompat ia atas sebelah kaki, baginya satu kaki dan baginya satu mata, keluar ia dalam air dan berkata-kata ia, dan membunuh akan manusia apabila bertemu ia dengannya dan diperoleh ia pada jazirah negeri China		Ditegah membunuhnya	
20.	نسناس		Haram		
21.	سرطان (كفتيغ)	Sartan (kepiting)	Haram		

JADUAL 3. Penyenaraian Haiwan Darat Menurut Kitab *Sabil al-Muhtadin*

Bil	Istilah Asal Kitab	Sebutan Istilah	Status	Justifikasi	Halaman
22.	انتا	Unta	Halal		
23.	سافی	Sapi	Halal		
24.	کربو هوتن	Kerbau Hutan	Halal		
25.	کربو نضری	Kerbau Negeri	Halal		
26.	کمبیغ	Kambing	Halal		
27.	کودا	Kuda	Halal		
28.	منجاعتن	Minjangan	Halal		
29.	کیجغ	Kijang	Halal		
30.	کلدی هوتن تیاد کلدی نضری	Keldai Hutan	Halal		
31,	ضبع	Dubuk	Halal	Hadis - ia Haiwan perburuan yang dimakan, dan lagi kerana taringnya itu dhaif tidak memangsa dengannya	257
32.	ضب	Dhab (iaitu haiwan makruf di tanah Arab seperti kelakuan biawak tetapi pendek kakinya dan tangannya dan pendek ekor. Bagi laki-lakinya 2 zakar, dan betina 2 farajnya) Arnab – Haiwan pendek dua tangannya dan panjang dua kakinya	Halal	Hadis taqriri, nabi menetapkan ia akan sahabatnya yang memakan mereka itu akan dia di hadapannya, dan tiada ditegahnya akan mereka itu daripada memakan dia, kemudian ditanyakannya akan halalnya, dan hanya tiada dimakan nabi akan dia kerana belum biasa dan tiada mencitakan dia	
33.	أرناب	Arnab – Haiwan pendek dua tangannya dan panjang dua kakinya	Halal	Hadis Bukhari – Nabi memakannya	258
34.	ثعلب	Musang Merah		- Setengah daripada haiwan yang dibilangkan dia akan tayyib - Hadis yang menyatakan haramnya, maka iaitu sangat dhaif keduanya	
35.	یربوع	Yarbu' - Haiwan yang sangat panjang dua kakinya, dan pendek dua tangannya, warna tubuhnya seperti warna kijang	Halal	- Ia setengah daripada tayyibat - Taringnya dhaif	
36.	قنفذ (لنداق)	Qunfuz (Ada 2 jenis- Pertama; yang bersaiz besar seperti anjing ada di bumi Syam dan Iraq. Kedua; yang bersaiz kecil seperti tikus yang ada di negeri Mesir)	Halal		

bersambung ...

37.	سنجاب	Haiwan seperti yarbu', terbesar daripada tikus, dan bulunya halus lagi lembut, kulitnya diperbuat baju. Banyak wujud haiwan itu di negeri Saqalabah	Halal	
38.	قاقم	Qaqam- Haiwan yang serupa sinjab dan kulitnya diperbuat baju.	Halal	
39.	فنك	Fanak- iaitu haiwan yang diperbuat baju kulitnya kerana halusnya dan lembutnya	Halal	
40.	سمور	Sammur- Haiwan serupa dengan سنور	Halal	
41.	بغل	Keldai	Haram	
42.	كلى نضري	Keldai negeri	Haram	258
43.	ماخن بى بسر	Macan besar	Haram	
44.	ماخن داهن	Macan dahan	Haram	
45.	برواغ	Beruang	Haram	
46.	ضاجه	Gajah	Haram	
47.	سيغا	Singa	Haram	
48.	انجغ	Anjing	Haram	
49.	بابى	Babi	Haram	
50.	كرا	Kera	Haram	
51.	بادق	Badak	Haram	
52.	كوبغ	Kubang	Haram	
53.	كوبغ نضرى	Kucing negeri	Haram	Mempunyai taring yang kuat yang menguasai dengannya
54.	كوبغ هوتن	Kucing hutan	Haram	
55.	براغ ٢	Barang-barang	Haram	
56.	موسغ	Musang	Haram	
57.	تغكالوغ	Tenggalung	Haram	
58.	توفى	Tupai	Haram	
59.	تغضيلغ	Tenggiling	Haram	
60.	كائق	Katak	Haram	
61.	كوبغ	Kongkang	Haram	
62.	خيخق	Cicak	Haram	
63.	تكى	Toke	Haram	
64.	بىكاروغ	Bingkarung	Haram	

... sambungan

65.	أولر	Ular	Haram	
66.	كالا	Kala	Haram	Haiwan yang disunatkan membunuhnya
67.	ضامق يع بلع	Gagak yang belang	Haram	
68.	تيكس	Tikus	Haram	
69.	هيلفن	Hilipan	Haram	
70.	كلماير	Kelamayar	Haram	
71.	المندر	Almandar	Haram	
72.	خاخيع	Cacing	Haram	
73.	كسوسورق	Kesosorok	Haram	
74.	خغكريق	Cengkerik	Haram	
75.	سموت	Semut	Haram	
76.	ليفس	Lipas	Haram	
77.	قياغت	Penyangat	Haram	
78.	تيوان	Tebuan	Haram	
79.	كومبغ	Kumbang	Haram	
80.	كراوى	Kerawai	Haram	Binatang yang memberi mudarat
81.	واپي	Wanyi	Haram	
82.	لالت	Lalat	Haram	
83.	براغا	Beranga	Haram	
84.	پامق	Nyamuk	Haram	
85.	رغت	Rengat	Haram	
86.	برى ٢	Bari-bari	Haram	258
87.	أولت واپي	Ulat Wanyi – iaitu ulat yang jadi wanyi	Haram	
88.	فاخت	Pacat	Haram	
89.	كمغكا	Kemengka	Haram	
90.	كندوغ لاوسفاتغ	-	Haram	
91.	راج والى	Rajawali	Haram	
92.	هلع	Helang	Haram	
93.	تمبونو	Tembunu	Haram	Burung yang menyambar dan mencabut makanan dengan kuku
94.	نورى	Nuri	Haram	
95.	كاكوتا	Kakak Tua	Haram	
96.	اتت	Atat	Haram	
97.	سرنديت	Serindit	Haram	
98.	تنخور	Tanjur	Haram	
99.	بغاثة	Baghathah	Halal	
100.	تيوغ	Tiung	Haram	Burung yang putih yang lambat terbangnya
101.	مراق	Merak	Haram	
102.	كلواغ كلمفغ	Keluang Kelumpang	Haram	
103.	كلاور	Kelawar	Haram	
104.	توليع	Tuling	Haram	
105.	بوبت	Bubut	Haram	

bersambung ...

... sambungan

106.	تاكوت ٢	Takut-takut	Haram	
107.	كتوفى	Ketupi	Haram	
108.	قتالب	Belatuk	Haram	
109.	كلاليان	Kelalayangan	Haram	Burung yang ditegahkan daripada membunuhnya
110.	بورغ سواری	Burung suari	Halal	
		<i>Ghattas</i> - Burung yang menyelam di dalam air kerana mencari ikan akan makanannya, apabila diperolehinya ikan, maka dibawanya timbul maka dimakannya akan dia maka iaitu halal, dan jika lama masa menyelamnya sekalipun seperti غدن	Halal	
111.	غطاس			Burung yang meminum air dengan tidak bernafas dan yang bersuara berdengung dengan berturut-turut
				259
112.	مرفاتی	Merpati	Halal	
113.	درککو	Darkuku	Halal	
114.	فیفت	Pipit	Halal	Burung yang kecil atau jika berlainan warnanya sekalipun
115.	كلتك	Gelatik	Halal	
116.	ایم نضری	Ayam negeri	Halal	
117.	ایم هوتن	Ayam hutan	Halal	
118.	ایتق	Itik	Halal	
119.	أغسا	Angsa	Halal	
120.	بلبیس	Belibis	Halal	
	کاکق فرهمانن	Gagak	Halal	
121.		perhumaan- iaitu yang hitam lagi kecil		
122.	بیغ جدي انتارا ماچن داهن دان ضبع	Kacukan Macan Dahan dan Dubuk	Haram	Setiap haiwan yang jadi daripada antara yang dimakan dan yang tiada dimakan dengan yakin
123.	انجغ دان کمبیغ (جیک یقین)	Kacukan antara anjing dan kambing	Haram	

Jadual di atas menunjukkan kategori-kategori haiwan yang telah dinyatakan dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*. Setiap jadual mewakili kategori yang berbeza iaitu Jadual 1 (haiwan air), Jadual 2 (haiwan air dan darat-dua alam) dan Jadual 3 (haiwan darat). Setiap kategori haiwan mempunyai hukum yang berbeza sama ada halal atau haram yang dibezakan menerusi warna berbeza. Secara ringkasan, terdapat 123 spesies haiwan dengan pecahan sebanyak 12 jenis spesies haiwan bagi kategori haiwan air (8 halal dan 4 haram), 9 jenis spesies haiwan bagi

kategori haiwan air dan darat (dua alam) (9 haram) dan 102 jenis spesies haiwan bagi kategori haiwan darat (32 halal dan 70 haram).

Berdasarkan jadual di atas juga, terdapat sesetengah spesies haiwan yang telah diperincikan maklumat mengenainya oleh pengarang kitab dan ini telah memberikan informasi yang sangat berguna kepada para pembaca seperti spesies haiwan bernama “دنیلس” (lihat kotak no. 12, Jadual 1) dan “غطاس” (lihat kotak 99, Jadual 3).

Menurut Syeikh al-Banjari (t.th) , *danilas* (دنيلس) dapat diumpamakan seperti tiram, karang dan indung mutiara. Beliau turut menambah bahawa *danilas* merupakan haiwan yang terdapat di negeri Mesir. Hukum memakan *danilas* juga adalah khilaf seperti yang telah dinyatakan di dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* tersebut. Pendapat pertama menyatakan hukumnya halal untuk dimakan sekiranya hanya hidup di dalam air, manakala pendapat kedua menyatakan hukumnya haram dimakan sekiranya berasal daripada kejadian sartan/سرطان. Namun, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari tidak menyatakan secara terperinci berkenaan siapa yang memberikan pendapat tersebut, berbeza dengan kitab Melayu klasik yang lain seperti kitab *Kasyf Al-Litham 'An As-Ilah Al-Anam* karangan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani. Menurut beliau, *danilas* turut dihukumkan sebagai khilaf berdasarkan dua pendapat ulamak mazhab Shafi'i yang berbeza iaitu daripada pendapat Syeikh Ibnu Hajar dan al-Ramli. Syeikh Ibnu Hajar telah menghukumkan haram untuk memakannya, namun halal menurut pendapat Syeikh al-Ramli (Al-Fatani, t.th).

Walau bagaimanapun, dapat difahami bahawa *danilas* merupakan sejenis siput dengan merujuk kepada pengertian yang disebutkan oleh Imam al-Khatib al-Syirbini di dalam *Mughni al-Muhtaj*. Pengertian ini dinukilkan daripada pandangan Ibn Qasim bahawa hukumnya termasuk dalam perkara yang sukar untuk dielak dan dikawal (*umum balwa*) bagi masyarakat Mesir serta sukar untuk meninggalkannya:

قَالَ ابْنُ قَاسِمٍ وَمِمَّا عَمَّتْ بِهِ الْبُلُوَى أَكْلُ الدَّنِيلِيسِ فِي مِصْرَ وَالسَّرَطَانَ فِي الشَّامِ

Maksudnya: "Ibn Qasim berkata, sebahagian daripada perkara yang menjadi umum balwa adalah memakan al-danilas (sejenis siput) bagi masyarakat mesir dan memakan ketam bagi masyarakat Syam" (Al-Khatib al-Syirbini 1993)

Beberapa istilah haiwan dalam bahasa Arab turut digunakan seperti "تمساح (بوای)" (lihat kotak no. 19, Jadual 2), فنك (kotak no. 39, Jadual 3) dan سمور (kotak no. 40, Jadual 3). Selain itu, kitab *Sabil al-Muhtadin* juga banyak menggunakan bahasa Indosesia (Banjar) berikutan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari merupakan seorang ulamak Banjar (Rofam 2018). Ini dapat dilihat menerusi contoh-contoh haiwan seperti "كلمبوى" (lihat kotak 8, Jadual 1), "ليلغ" (lihat kotak 10, Jadual 1), "سبهي"

(lihat kotak 11, Jadual 1), "تغكالوغ" (lihat kotak 57, Jadual 3) dan "واپي" (lihat kotak 81, Jadual 3). Sebahagian daripada istilah-istilah ini kurang difahami maksudnya atau sebutannya disebabkan berasal daripada istilah Banjar yang jarang didengari dan digunakan oleh masyarakat Malaysia. Sekiranya diperhatikan juga, bagi kategori hidupan haiwan darat (lihat kotak no. 22-123, Jadual 3), jenis-jenis haiwan yang telah diklasifikasikan dibawah kategori tersebut merupakan jenis-jenis haiwan seperti haiwan mamalia, serangga dan burung-burung. Semua haiwan tersebut meskipun berbeza jenis, namun tidak hidup melainkan hanya di darat sahaja. Setiap kategori telah dinyatakan juga sebab halal dan haram haiwan tersebut untuk dimakan.

Secara umum, justifikasi pengharaman dan penghalalan tersebut adalah seperti yang telah dilandaskan mengikut Syarak (Zaini & Abd Rahman 2020). Ini berpandukan tiga prinsip untuk menentukan halal atau haramnya makanan berpandukan dalil Al-Quran iaitu Surah al-An'am ayat 145, Surah al-A'araf ayat 157 dan Surah al-Maidah ayat 4 (Ab Rahman et al. 2025; Arifin et al. 2021).

Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti; 1) Semua binatang yang dianggap elok oleh orang arab semasa hidup senang, dan pada zaman Rasullullah S.A.W adalah halal (contoh: semua jenis ikan yang hidup di dalam laut dan binatang ternakan yang dianggap elok oleh orang Arab serta diakui halal oleh Syarak), 2) Semua binatang buas yang mempunyai taring yang kuat untuk menangkap mangsa adalah haram (contoh: anjing, serigala dan beruang) dan burung yang mempunyai kuku yang kuat juga haram dimakan (contoh: helang dan rajawali), dan 3) Semua jenis binatang yang sunat dibunuh adalah haram dimakan (contoh: ular, kala jengking, tikus, gagak dan semua binatang yang memudaratkan (Al-Khin et al. 2007; Noor 2021).

Menurut al-Qaradhawi (2014), maksud haiwan air adalah haiwan yang hanya hidup di dalam air dan tidak dapat hidup melainkan di dalam air sahaja. Manakala bagi pengharaman haiwan dua alam pula, perinciannya dapat dilihat menerusi pendapat Imam al-Nawawi (2003) yang telah disebutkan dalam *Minhaj al-Talibin* seperti berikut:

وَمَا يَعْيشُ فِي بَرٍّ وَبَحْرٍ: كَضِفْدَعٍ وَسَرَطَانَ وَحَيَّةٍ حَرَامٌ

Maksudnya: "Setiap sesuatu yang hidup di darat dan lautan seperti katak, ketam dan ulat air adalah haram"

(ms. 322)

Selain itu, pembahagian atau jenis-jenis haiwan yang terdapat dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* ini telah dinyatakan hukumnya sama ada halal atau haram. Umumnya, setiap haiwan darat dan laut adalah halal dimakan sekiranya tidak memudaratkan, tidak beracun mahupun dalam kategori haiwan haram seperti binatang buas, atau burung pemangsa yang berkuku tajam. Namun jika sebaliknya, maka

hukumnya haram untuk dimakan (Mohd Salleh & Jaffar 2019). Manakala, haiwan yang hidup di darat dan air atau turut dikenali sebagai haiwan dua alam, hukumnya haram untuk dimakan berdasarkan hujah dan dalil syarak (Ariffin et al. 2021; Kashim & Tahir 2015). Jumlah bilangan kategori haiwan, hukum-hakam dan justifikasi diringkaskan oleh pengkaji seperti dalam Jadual 4 di bawah.

JADUAL 4. Ringkasan jumlah haiwan halal haram menurut kitab *Sabil al-Muhtadin*

Perkara	Halal	Haram
Kategori laut	8	4
Kategori hidupan yang hidup di dalam air dan darat	-	9
Kategori hidupan yang hidup di darat	32	70
Jumlah	40	83
Keseluruhan	123 Haiwan	
Justifikasi/Sebab	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Haiwan yang tidak hidup melainkan di dalam air laut atau lainnya</li> <li>2) Hidup di darat tetapi tiada kekal hidupnya sama ada daripada jenis ikan yang masyhur atau lain daripadanya atau sama ada dagingnya timbul/ tenggelam dan jika sama dia dengan rupa haiwan darat yang haram sekalipun seperti anjing dan babi dan barang sebagainya</li> <li>3) Tidak berbisa/ beracun/mudarat</li> <li>4) Hanya hidup di air dan tidak mempunyai berbisa</li> <li>5) Haiwan perburuan yang dimakan, dan lagi kerana taringnya itu dhaif tidak memangsa dengannya</li> <li>6) Setengah daripada haiwan yang dibilangkan dia akan tayyib dan hadis yang menyatakan haramnya</li> <li>7) Burung yang putih yang lambat terbangnya dan burung yang ditegahkan daripada membunuhnya</li> <li>8) Burung yang meminum air dengan tidak bernafas dan yang bersuara berdengung dengan berturut-turut</li> <li>9) Burung yang kecil atau jika berlainan warnanya sekalipun</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mempunyai bisa dan memberi mudarat</li> <li>2) Lama hidupnya didarat dengan mushahadah</li> <li>3) Barang-barang dan segala yang hidup dua negeri yang mempunyai racun</li> <li>4) Mempunyai racun atau mempunyai taring yang menggigit.</li> <li>5) Binatang dengan kuku yang berseteru</li> <li>6) Mempunyai taring yang kuat yang menguasai dengannya</li> <li>7) Haiwan yang disunatkan membunuhnya</li> <li>8) Burung yang menyambar dan mencabut makanan dengan kuku</li> <li>9) Setiap haiwan yang jadi daripada antara yang dimakan dan yang tiada dimakan dengan yakin</li> </ol>

Jadual 4 memperincikan aspek pengkategorian haiwan berserta justifikasi hukum. Terdapat 40 spesies haiwan yang halal dimakan dan 83 spesies haiwan yang haram dimakan seperti yang telah dinyatakan oleh pengarang kitab *Sabil al-Muhtadin*, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari.

#### ANALISIS PENGKATEGORIAN ISTILAH HAIWAN DALAM KITAB *SABIL AL-MUHTADIN* PERSPEKTIF HALAL DAN ZOOLOGI

Analisis di subtopik ini memfokuskan kepada beberapa istilah haiwan yang kurang difahami maksudnya bagi kebanyakan masyarakat moden di

Malaysia, disebabkan penggunaan istilah mengikut bahasa Melayu Banjar, mahupun dalam Bahasa Arab. Analisis dibuat dengan memberikan penamaan

zoologi mengikut empat jenis iaitu keluarga haiwan (*family*), nama spesis (*spesis name*), nama biasa dikenali (*common name*) dan nama Melayu.

JADUAL 5. Pengelasan istilah haiwan yang tidak jelas maksud menerusi kitab *Sabil al-Muhtadin*

No.	Istilah asal kitab	Sebutan Istilah	Status	Penamaan zoologi
1.	كارغ	Karang	Halal	Family: Arcidae Species name: <i>Tegillarca granosa</i> Common name: Blood Cockle (bivalve) Nama Melayu: Kerang
2.	اندوغ متيارا	Indung mutiara	Halal	Family: Ostreidae Species name: <i>Crassostrea gigas</i> Common name: Giant Pacific Oyster Nama Melayu: Tiram Mutiara
3.	بالوت	Balut	Halal	Family: Anguillidae Species name: <i>Anguilla malgumora</i> Common name: Longfinned Eel Nama Melayu: Belut
4.	رخوغن	Rajungan	Halal	Family: Portunidae Species name: <i>Portunus pelagicus</i> Common name: Blue Swimming Crab Nama Melayu: Rajungan/Ketam Nipah
5.	كلمبوى	Kalambuai	Haram	Family: Ampullariidae Species name: <i>Pomacea canaliculata</i> Common name: Golden apple snail Nama Melayu: Kalambuai/ Siput gondang emas
6.	كنداغ	Gondang	Haram	Family: Ampullariidae Species name: Ampullariidae Common name: Apple snails Nama Melayu: Siput gondang
7.	ليلغ	Liling (Haliling)	Halal	Family: Ampullariidae Species name: <i>Pila ampullacea</i> Common name: Freshwater snail/ Apple snail Nama Melayu: Siput sawah
8.	سبهي	Sihi	Halal	Family: Strombidae Species name: <i>Laevistrombus canarium</i> Common name: Sea snails Nama Melayu: Siput sihi (laut)
9.	دنيلس (داحتمالكن بهوا اي اداله كيما، اندوغ متيارا، تيرم، كارغ، سؤمفمات)	Danilas	Halal	Family: Cardiidae Species name: <i>Tridacna squamosa</i> Common name: Scaly clam, Giant clam Nama Melayu: Spesies siput cengkerang seperti kima, tiram, kerang
10.	بداوغ	Bidawang	Haram	Family: Trionychidae Species name: <i>Dogania subplana</i> Common name: Malayan Softshell Turtle Nama Melayu: Labi-labi
11.	بيوكو	Biuku	Haram	Family: Cheloniidae Species name: <i>Chelonia mydas</i> Common name: Common Green Sea Turtle Nama Melayu: Penyu
12.	نسناس	Nisnas	Haram	<i>Tidak Diketahui</i>
13.	سرطان (كفتنغ)	Kepiting	Haram	Family: Menippidae Species name: <i>Myomenippe hardwickii</i> Common name: Stone Crab Nama Melayu: Ketam batu

bersambung ...

... sambungan

14.	منجاغن	Minjangan	Halal	Family: Cervidae Species name: <i>Rusa unicolor</i> Common name: Sambar Deer Nama Melayu: Rusa
15.	ثعلب	Tha'lab	Halal	Family: Viverridae Species name: <i>Paradoxurus hermaphroditus</i> Common name: Common Palm Civet Nama Melayu: Rubah
16.	سنجاب	Sinjab	Halal	Family: Sciuridae Species name: <i>Callosciurus nigrovittatus</i> Common name: Black-striped Squirrel Nama Melayu: Tupai
17.	قاقم	Qaqam	Halal	Family: Herpestidae Species name: <i>Herpestes brachyurus</i> Common name: Short-tailed Mongoose Nama Melayu: Cerpelai/ Bambun Ekor Pendek
18.	فناك	Fanak	Halal	Family: Canidae Species name: <i>Vulpes zerda</i> Common name: Fennec Fox Nama Melayu: Rubah Fanak
19.	ماخن داهن	Macan Dahan	Haram	Family: Felidae Species name: <i>Neofelis nebulosa</i> Common name: Clouded leopard Nama Melayu: Harimau/Kucing Dahan
20.	كوبغ	Kubung	Haram	Family: Cynocephalidae Species name: <i>Galeopterus variegatus</i> Common name: Malayan Flying Lemur Nama Melayu: Kubung
21.	براغ	Barang-barang	Haram	Family: Mustelidae Species name: <i>Lutra sumatrana</i> Common name: Hairy-nosed Otter Nama Melayu: Berang-berang/ Memerang
22.	تغالوغ	Tenggalung	Haram	Family: Viverridae Species name: <i>Viverra zangalunga</i> Common name: Malayan Civet/Oriental Civet Nama Melayu: Musang Tenggalung
23.	كوغكغ	Kongkang	Haram	Family: Loridae Species name: <i>Nycticebus coucang</i> Common name: Slow loris Nama Melayu: Kongkang
24.	تكى	Tokey	Haram	Family: Gekkonidae Species name: <i>G. gecko</i> Common name: Tokay gecko Nama Melayu: Tokek
25.	بغكاروغ	Bingkarung	Haram	Family: Scincidae Species name: <i>Lygosoma bowringii</i> Common name: Bowring's Supple Skink Nama Melayu: Bengkarung/ Mengkarung Taman/ Cengkarung
26.	ضاضاق بع بلغ	Gagak yang belang	Haram	Family: Corvidae Species name: <i>Cissa chinensis</i> Common name: Common Green Magpie Nama Melayu: Burung Gagak Gunung
27.	هبلفن	Halipan	Haram	Family: Scolopendridae Species name: <i>Scolopendra subspinipes</i> Common name: Red centipede Nama Melayu: Lipan

bersambung ...

... sambungan

28.	كلمابر	Kelemayar	Haram	Family: Oryidae Species name: <i>Orphnaeus brevilabiatus</i> Common name: Centipede Nama Melayu: Kelemayar/ Lenyai
29.	المندر	Almandar/ keluang	Haram	Family: Pteropodidae Species name: <i>Pteropus vampyrus</i> Common name: Large Flying Fox Nama Melayu: Kelemayar/ Lenyai
30.	كسوسورق	Kesusuruk	Haram	Family: Gryllotalpidae Species name: <i>Gryllotalpa brachyptera</i> Common name: Mole cricket Nama Melayu: Sesorok
31.	خغكریق	Jangkrik	Haram	Family: Gryllacrididae Species name: <i>Gryllacris achetoides</i> Common name: Giant cricket Nama Melayu: Cengkerik raksasa
32.	قباغت	Panyangat	Haram	Family: Vespidae Species name: <i>Vespa velutina</i> Common name: Asian Hornet Nama Melayu: Penyengat
33.	كراوى	Kerawai	Haram	Family: Vespidae Species name: <i>Provespa anomala</i> Common name: Night Wasp Nama Melayu: Tebuan
34.	واپي	Wanyi	Haram	Family: Apidae Species name: <i>Apis cerana</i> Common name: Asian Honeybee Nama Melayu: Lebah
35.	براغا	Beranga	Haram	Family: Culicidae Species name: <i>Culicidae</i> Common name: Mosquito Nama Melayu: Nyamuk
36.	رغت	Rengit	Haram	Family: Anisopodidae Species name: <i>Sylvicola cinctus</i> Common name: Wood gnat Nama Melayu: Agas
37.	برى ٢	Bari-bari	Haram	Family: Tephritidae Species name: <i>Bactrocera dorsalis</i> Common name: Oriental Fruit Fly Nama Melayu: Bari-bari
38.	أولت واپي	Ulat Wanyi	Haram	Family: Apidae Species name: <i>Apis mellifera</i> Common name: Bee puppa Nama Melayu: Anak lebah
39.	كمغكا	Kemengka	Haram	<i>Tidak Diketahui</i>
40.	كندوغ لاوسفاتغ	<i>Tidak diketahui</i>	Haram	<i>Tidak Diketahui</i>
41.	راج والى	Raja Wali	Haram	Family: Cuculidae Species name: <i>Hierococcyx fugax</i> Common name: <b>Malaysian Hawk-cuckoo</b> Nama Melayu: Burung Sewah-rajawali rimba
42.	تمبونو	Tembunu	Haram	Family: Muscicapidae Species name: <i>Copsychus saulari</i> Common name: Magpie Robin Nama Melayu: Murai
43.	اتت	Atat	Haram	<i>Tidak Diketahui</i>

... sambungan

44.	سرندیت	Serindit	Haram	Family: Psittacidae Species name: <i>Psittinus cyanurus</i> Common name: Blue-rumped Parrot Nama Melayu: Burung Serindit gajah
45.	تنخور	Tancur	Haram	<i>Tidak Diketahui</i>
46.	غطاس	Ghattas	Halal	Family: Podicipedidae Species name: <i>Tachybaptus ruficollis</i> Common name: Little grebe/ Dabchick Nama Melayu: Grebe Kecil
47.	بغاثة	Baghathah	Haram	Family: Ardeidae Species name: <i>Egretta intermedia</i> Common name: Intermediate Egret Nama Melayu: Bangau
48.	كلواغ كلمفغ	Keluwang Kelampang	Haram	Family: Pteropodidae Species name: <i>Pteropus vampyrus</i> Common name: Malayan Flying Fox Nama Melayu: Keluang
49.	تولیع	Tuling	Haram	<i>Tidak Diketahui</i>
50.	بوت	Bubut	Haram	Family: Cuculidae Species name: <i>Centropus bengalensis</i> Common name: Lesser coucal Nama Melayu: Burung But-but kecil
51.	ناکوت ۲	Takut-takut	Haram	Family: Strigidae Species name: <i>Strigiformes</i> Common name: Owls Nama Melayu: Burung hantu
52.	کتوفی	Ketupi	Haram	<i>Tidak diketahui</i>
53.	کلایاغن	Kelalayangan	Haram	Family: Apodidae Species name: <i>R. leucopygialis</i> Common name: <b>Swifts</b> Nama Melayu: Burung layang-layang
54.	بورغ سواری	Burung suwari	Halal	Family: Casuariidae Species name: <i>Casuarus bennetti</i> Common name: Dwarf cassowary Nama Melayu: Kasuari kecil
55.	درککو	Darakukur	Halal	Family: Columbidae Species name: <i>Streptopelia tranquebarica</i> Common name: Red Collared Dove Nama Melayu: Tekukur merah
56.	کاتک	Gelatik	Halal	Family: Estrildidae Species name: <i>P. oryzivora</i> Common name: Java sparrow Nama Melayu: Burung Gelatik Jawa
57.	بلبیس	Belibis	Halal	Family: Anatidae Species name: <i>Dendrocygna javanica</i> Common name: Whistling teal Nama Melayu: Burung Belibis
58.	کاکق فرهمانن	Gagak perhumaan	Halal	Family: Corvidae Species name: <i>Corvus brachyrhynchos</i> Common name: Crow Nama Melayu: Gagak Padi/Huma

Berdasarkan Jadual 5 di atas, terdapat 58 istilah haiwan yang tidak jelas maksudnya, sama ada daripada kategori haiwan halal mahupun haram. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 51 spesis berjaya diperincikan maksudnya oleh pengkaji, manakala terdapat 7 spesis lagi masih berstatus samar disebabkan ketiadaan sumber rujukan yang berautoriti. Istilah-istilah tersebut ialah *nisnas* (no. 12), *kemengka* (no.39), *kandung lausepatang* (no. 40), *atat* (no.43), *tancur* (no. 45), *tuling* (no. 49) dan *ketupi* (no.52). Justeru, kajian lanjutan perlu dilakukan bagi menjelaskan maksudnya dengan tepat.

### KESIMPULAN

Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah Al-Banjari merupakan seorang tokoh intelektual tanah Banjar yang banyak menyumbang dalam pemikiran dalam hukum Islam atau fiqh. Kitab *Sabil Al-Muhtadin Li Al-Tafaqqah Fi Amr Al-Din* merupakan antara kitab karangan beliau yang banyak dijadikan rujukan oleh para pelajar terutama madrasah-madrasah di Indonesia. Masyarakat Islam umumnya juga dapat menjadikan kitab tersebut sebagai rujukan yang tepat berkenaan haiwan yang halal dan haram untuk di makan di dalam Islam. Pelbagai jenis haiwan yang terdiri daripada 3 kategori tertentu seperti haiwan air, haiwan yang hidup di air dan darat (dua alam), serta haiwan darat telah disenaraikan di dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*.

Secara keseluruhan, terdapat sejumlah 123 haiwan yang dinyatakan berserta hukumnya dan justifikasi terhadap penghalalan serta pengharaman haiwan tersebut. Antara justifikasi hukum halal dan haram bagi haiwan-haiwan yang telah dinyatakan adalah seperti haiwan yang hidup hanya di dalam air serta suci tidak mempunyai racun, tidak mempunyai kuku yang mencengkam dan tidak memudaratkan untuk haiwan laut dan darat (bagi kategori halal) dan haiwan yang mempunyai racun serta hidup pada dua alam (bagi kategori haram). Seterusnya, pengkaji juga telah menyenaraikan sebanyak 58 jenis haiwan yang mempunyai istilah yang kurang jelas atau menggunakan bahasa Indonesia (Banjar) dan Bahasa Arab seperti yang telah dinyatakan pada Jadual 5 di atas.

Masih terdapat banyak ruang yang dapat dikaji dalam aspek haiwan halal haram dengan menjadikan kitab Melayu klasik sebagai sumber rujukan, seperti menjadikannya dalam bentuk direktori haiwan yang disertai dengan gambarajah yang sesuai. Perkara ini dapat memberikan banyak manfaat kepada

masyarakat mahupun agensi tertentu seperti dapat dijadikan sumber rujukan dalam bidang halal dan menambahkan pengetahuan berkenaan haiwan yang halal dan haram kepada masyarakat umum.

Kajian ini telah menyumbang dalam aspek pemetaan sistematik istilah haiwan dalam fiqh Melayu klasik serta memperlihatkan kepentingan integrasi antara disiplin.

### PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengucapkan penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM yang telah mendanai kajian ini menerusi geran yang berjudul “Pembinaan Glosari Baharu Istilah Haiwan Halal Haram Berasaskan Karya Ulama Alam Melayu Melalui Pendekatan Analisis Tekstual Dan Zoologi” di bawah kod penyelidikan: (PPPI/FSU/0122/USIM/15622).

### SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Mohd Mahyeddin, Nurdalila dan Chairill; metodologi, Mohd Mahyeddin; perisian, Mohd Mahyeddin; pengesahan instrumen, Mohd Mahyeddin dan Nurdalila; analisis data, Mohd Mahyeddin dan Nurdalila; pengurusan sumber, Mohd Mahyeddin, Nurdalila dan Chairill; pengumpulan data, Mohd Mahyeddin; penulisan draf asal, Mohd Mahyeddin; semakan dan penyuntingan, Mohd Mahyeddin, Nurdalila dan Chairill; visualisasi, Mohd Mahyeddin; pengurusan projek, Mohd Mahyeddin; pemerolehan peruntukan, Mohd Mahyeddin. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

### KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang berkemungkinan mempengaruhi penulisan atau dapatan kajian.

### PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperolehi daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat yang boleh mengenal pasti identiti individu. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

## RUJUKAN

- Ab Rahman, A., Mohamed Nor, Z. & Muhammad Hafiz Saleh. 2025. *Makanan dan Minuman Berdasarkan Al-Quran, Hadis dan Fatwa*. Nilai: Penerbit USIM.
- Abdullah, W. M. S. 1990. *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Pengarang Sabil al-Muhtadin*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Abu Daudi. 2003. *Maulana Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari*. Martapura: YAPIDA.
- Ariffin, M. F. M., Rosele, M. I. & Safie, S. 2021. Isu keselamatan makanan dalam sektor penternakan haiwan: Analisis pembangunan instrumen berasaskan hadis. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 43(1): 85–95.
- Al-Banjari, M. A. n.d. *Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din*. Pattani, Thailand: Matba'ah Bin Halabi.
- Dina, S. M. & Safitri, Y. 2025. Ihdad perspektif Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari dan relevansinya di era modern. *Indonesian Journal of Islamic Jurisprudence, Economic and Legal Theory* 3(2): 1884–1891.
- Fajrinnor, M., Eko Septi, C. & Haddad, M. 2009. *Sejarah Penulisan Kitab Sabil al-Muhtadin*. Banjarmasin: Fakultas Ushuluddin dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Antasari.
- Al-Fatani, Z. A. b. M. n.d. *Kasyf al-Litham 'An As-ilah al-Anam*. T.tp: Maktabah al-Nahdi.
- Kashim, M. I. A. M. & Tahir, S. M. 2015. Modul penentuan hukum makanan ubah suai genetik (GMF) dan kepentingannya di Malaysia. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 37(2): 133–145.
- Al-Khatib al-Syirbini, M. b. A. 1993. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M. & Al-Syarbaji. 2007. *Al-Fiqh al-Manhaj 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Dimashq: Darul Qalam.
- Mohd Azhan Zakaria. 2015. *Kitab Zakat dalam Kitab Sabil al-Muhtadin Karya Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari: Anotasi dan Analisis*. PhD diss., Universiti Malaya.
- Mohd Salleh, M. M. & Jaffar, M. N. 2019. *Halal Haram Haiwan Menurut Islam dan Fatwa di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Nopliardy, R. & Jarkawi. 2018. Meaning and legal position in thoughts of Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari. In *Borneo International Conference on Education and Social*.
- Malik, M. P. A. A. & Abd Rahim, R. 2022. Analisis bentuk penulisan dan kaedah rujukan karya fiqh Melayu klasik: Analysis of classic Malay jurisprudence's writing forms and reference methods. *Al-Basirah Journal* 12(2): 1–24.
- Malik, M. P. A. & Abd Rahim, R. A. 2020. Analisa perkembangan dan kearifan tempatan karya fiqh Melayu klasik: Analysis of development and local wisdom classical Malay fiqh works. *Jurnal Fiqh* 17(1): 89–134.
- Nasir, M. S. 2015. Kejelasan dan kekaburan makna kosa kata Arab dalam *Mahabbah* karya Shahnon Ahmad. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 37(1): 69–76.
- Al-Nawawi, A. Z. M. Y. b. S. 2003. *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Noor, A. M. 2021. Hukum serangga di dalam makanan: Suatu sorotan terhadap ulasan-ulasan ulama kontemporari. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 43(1): 55–60.
- Pancasilwati, A. 2015. Epistemologi fiqh *Sabilal Muhtadin*. *Mazahib* 14(1): 57807.
- Al-Qaradhawi, Y. 2014. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. T.tp: Maktabah Wahbah.
- Rahayu, S. U. 2022. *Kitab Sabilal Muhtadin* karya Syaikh Muhammad Arsyad Al-Banjari. *SHAHIH (Jurnal Ilmu Kewahyuan)* 5(2): 62–70.
- Ramli, M. A. & Jamaludin, M. A. 2012. Sumbangan Syekh Muhammad Arshad b. Abdullah al-Banjari dalam fiqh al-at'imah (makanan) di dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*. *Jurnal Al-Tamaddun* 7(2): 61–76.
- Rofam, G. N. K. M. 2018. Penerapan konsep 'urf dalam kitab *Sabilal Muhtadin* (kajian terhadap pemikiran Muhammad Arsyad Al-Banjari). *Al-Iqtishadiyah: Ekonomi Syariah dan Hukum Ekonomi Syariah* 4(1): 1–19.
- Ruslan, R., Mahmud, H. & Hani, M. H. 2023. Unveiling the fiqh treasures: *Kitab Sabilal Muhtadin* by Sheikh Muhammad Arsyad Al-Banjari. *Al-Banjari: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman* 22(2): 177–196.
- Salleh, M. M. M., Mamat, M. A., Halim, M. A. A., Jaffar, M. N. & Deuraseh, N. 2024. Analisis penyenaian haiwan menerusi kitab *Matla' al-Badrain* oleh Syekh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani menurut perspektif halal dan zoologi: Analysis of the listing of animals through the book of *Matla' al-Badrain* by Sheikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani according to halal and zoological perspectives. *Journal of Fatwa Management and Research* 29(1): 63–87.
- Salleh, M. M. M., Nurdalila, A. W. A., Gunardi, S., Mohiddin, H. M. N. H. & Ghani, C. A. A. 2025. Analisis penyenaian haiwan menerusi kitab *Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam* karya Syekh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani menurut perspektif halal dan haram. *Journal of Fatwa Management and Research* 30(2): 139–161.
- Zaini, A. R. & Abd Rahman, R. 2020. Kecaknaan pengguna Muslim terhadap logo halal. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 42: 43–49.
- Zaini, M. 2025. Konsep pendidikan Islam dalam pemikiran Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari dan relevansinya terhadap pendidikan modern. *AL-Ikhtiar: Jurnal Studi Islam* 2(2): 166–174.
- Zarkasyi, M. 2012. Sheikh Muhammad Arsyad Al-Banjari, ketokohan dan sumbangannya. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 23(1): 185–218.
- Zein, M. 2019. *Pendidikan Islam menurut Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari*. Zifatama Jawara.